

PH terbuka jalin kerjasama bentuk kerajaan negeri

Putatan: Pakatan Harapan (PH) terbuka untuk bekerjasama dengan semua pihak untuk membentuk kerajaan negeri selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-17, demi memastikan pembangunan di Sabah dapat diteruskan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika berucap pada Karnival Harapan Urang Sabah di sini, berkata kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri itu

perlu ada untuk memajukan Sabah.

Beliau yang juga Pengerusi PH berkata, PH tidak bertanding banyak kerusi dan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak.

Sementara itu Anwar berkata, beliau menghadiri satu program bersama Pengerusi Gabungan Rakyat Sabah (GRS) Datuk Seri Hajiji Noor semalam, kerana mahu membantu parti berkenaan untuk me-

nang dalam pilihan raya ini.

“Saya pergi ke tempat Hajiji pagi tadi (semalam) kerana saya ada pengalaman bekerja dengan dia. Saya jumpa dia berpuluh-puluh kali dan dia bukan minta projek untuk dirinya atau minta saham.

“Hajiji minta projek tambahan untuk rakyat Sabah. Sebab itu, saya baik dengan dia. Jadi, saya harap kita dapat teruskan jalinan kerjasama kerana kerajaan Sabah memer-

lukan PH.

“Oleh itu, saya mahu rakyat di Putatan juga dapat menangkan calon PH di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Petagas, Datuk Awang Husaini Sahari,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kehadirannya di Sabah juga bukan untuk menabur janji baharu, sebaliknya menjelaskan usaha yang sedang dan sudah dilaksanakan Kerajaan Persekutuan di negeri itu.

Anwar berkata, beliau mahu rakyat Sabah memahami inisiatif Kerajaan Persekutuan yang sudah dan sedang dilaksanakan, antaranya penyelesaian isu air, elektrik, Lebuhraya Pan Borneo dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

“Ini (inisiatif) bukan janji, ini sudah dilaksanakan. Ini sebabnya mengapa saya katakan, kita harus tahu faktanya,” kata Perdana Menteri.

BERNAMA